



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbekalan Tambahan (1976 dan 1977) 1978

DR.4/1978

Rang undang 1978

Naskah sah—Bahasa Malaysia

BIL 4 - 28

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan-wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1976 dan 1977 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu.

[

]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1976 dan 1977) 1978.

Tajuk
ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada tiga ratus lapan puluh empat juta enam ratus tiga puluh satu ribu lima ratus dua puluh sembilan ringgit (\$384,631,529) daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1976, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus 1976 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1976, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1976 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1974 dan 1976) 1976 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1976 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1975 dan 1976) 1977.

Perbelanjaan
tambahan
bagi tahun
1976.

Akta A342.

Akta A355.

Akta A395.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Peruntukan.

Perbelanjaan
tambahan
bagi tahun
1977.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada tiga ratus sembilan puluh sembilan juta dua ratus sepuluh ribu dua ratus tiga puluh lima ringgit (\$399,210,235) daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1977, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus 1977 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1977 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1977 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1977) 1977.

Akta A366.

Akta A405.

Peruntukan.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

Kepala No.	Tajuk	Peruntukan bagi Kepala
(1)	(2)	(3)
B. 10 ...	Jabatan Kehakiman	\$ 720,000
B. 20 ...	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian	202,000
B. 23 ...	Kementerian Pelajaran	32,000,000
B. 25 ...	Kementerian Luar Negeri	3,800,000
B. 28 ...	Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun	300,000,000
B. 29 ...	Kastam dan Eksais Di Raja	2,800,000
B. 32 ...	Kementerian Kesihatan	11,000,000
B. 34 ...	Polis Di Raja Malaysia	32,000,000
B. 36 ...	Pendaftaran Pertubuhan	14,000
B. 38 ...	Penjara	945,000
B. 39 ...	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	956,000
B. 45 ...	Jabatan Pemegang Harta	24,276
B. 55 ...	Muzium	102,083
B. 56 ...	Kementerian Perhubungan	68,170
Jumlah ...		<u>\$384,631,529</u>

JADUAL KEDUA

(Seksyen 3)

Kepala No.	Tajuk	Peruntukan bagi Kepala
(1)	(2)	(3)
B. 2 ...	Majlis Raja-Raja	\$ 36,742
B. 4 ...	Suruhanjaya Pilihanraya	789,656
B. 7 ...	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	412,840
B. 8 ...	Jabatan Perdana Menteri	20,932,758
B. 9 ...	Jabatan Perkhidmatan Awam, Malay- sia	5,736,527
B. 11 ...	Pejabat Setiausaha Persekutuan, Sabah	30,000
B. 15 ...	Kementerian Perumahan dan Kema- juan Perkampungan	1,143,583
B. 18 ...	Perkhidmatan Bomba	4,486,583
B. 19 ...	Arkib dan Perpustakaan Negara ...	134,547
B. 22 ...	Kementerian Perusahaan Utama ...	279,976
B. 23 ...	Kementerian Pertanian	6,912,484
B. 25 ...	Kementerian Perdagangan dan Perin- dustrian	2,590,000
B. 26 ...	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	3,416,276
B. 28 ...	Kementerian Pertahanan	51,080
B. 29 ...	Kementerian Pelajaran	66,305,964
B. 33 ...	Perkhidmatan Am Perbendaharaan ...	51,774,751
B. 34 ...	Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun	14,618,000
B. 36 ...	Jabatan Hasil Dalam Negeri	469,104
B. 37 ...	Kementerian Perusahaan Awam ...	70,633,059
B. 38 ...	Kementerian Kesihatan	90,000,000
B. 39 ...	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	4,000,000
B. 41 ...	Jabatan Imigresen	3,780,000
B. 44 ...	Penjara	10,229,600
B. 53 ...	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	590,440
B. 55 ...	Kementerian Perhubungan	1,297,534
B. 59 ...	Jabatan Laut	1,336,018
B. 60 ...	Jabatan Laut—Sarawak dan Sabah ...	10,000
B. 61 ...	Perkhidmatan Pos	16,229,269
B. 64 ...	Kementerian Kerjaraya dan Kemu- dahan-kemudahan Awam	9,856,300

Kepala No.	Tajuk	Peruntukan bagi Kepala
(1)	(2)	(3)
B. 65 ...	Pengangkutan Jalan	\$ 2,640,500
B. 66 ...	Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah	8,486,644
	Jumlah	<u>\$399,210,235</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun untuk beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1976 dan 1977 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan dalam Anggaran Belanja Mengurus 1976 dan 1977 dan Tambahan Pertama 1976 yang telah diluluskan oleh Akta Pembekalan Tambahan (1974 dan 1976) 1976, Tambahan Kedua 1976 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1975 dan 1976) 1977 dan Tambahan Pertama 1977 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1977) 1977 dan untuk mengadakan peruntukan bagi menggantikan pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulanwang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan. [PN. (U² 891.)]